

U GB 06-05 00183 BH044

aab

Mahathir - apartheid

I

KUALA LUMPUR, 6 Mei (Bernama) -- Malaysia tidak setuju dengan sebarang langkah oleh masyarakat antarabangsa untuk menarik balik sekatan terhadap regim Pretoria pada masa ini, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata, Malaysia percaya pemansuhan sekatan itu semasa tempoh peralihan sekarang akan menjejaskan kemajuan yang dicapai ke arah menghapuskan apartheid.

+Selagi tidak ada lebih banyak tindakan konkrit oleh regim Afrika Selatan, Malaysia akan terus menggesa masyarakat antarabangsa supaya mengekalkan sekatan ekonomi dan sekatan-sekatan lain,+ katanya dalam perutusan sempena Mesyuarat Kelapan Pegawai-pegawai Kanan Tabung AFRICA, yang bermula di sini esok.

AFRICA -- singkatan untuk Action for Resisting Invasion, Colonialism and Apartheid (Tindakan bagi menentang pencerobohan, kolonialisme dan apartheid) -- ialah sebuah tabung yang diwujudkan pada 1986 untuk membantu negara-negara berjiran menentang regim Pretoria dan untuk menyokong Pergerakan Pembebasan Afrika Selatan.

Datuk Seri Dr Mahathir, yang sedang bercuti di Eropah, berkata sebarang tindakan oleh masyarakat antarabangsa untuk menarik balik sekatan itu harus tertakluk kepada kemajuan sebenar yang dicapai ke arah menghapuskan apartheid. -- Lagi

♥06/05/17-24MST

CNS8204

U GB 06-05 00147 BH045

aab

Mahathir - Apartheid 2 Kuala Lumpur

+Sekadar janji untuk menghapuskan sahaja tidak boleh dijadikan asas untuk menarik balik sekatan,+ katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata perkembangan terbaru, kesan daripada tekanan berterusan oleh masyarakat antarabangsa terhadap regim Pretoria, telah menimbulkan persoalan dasar sama ada proses itu boleh membawa kepada rundingan yang akan menukar Afrika Selatan menjadi sebuah negara demokrasi tulen.

Persoalan lain juga dibangkitkan, iaitu sama ada penghapusan undang-undang apartheid dan permulaan rundingan merupakan satu proses yang tidak boleh ditarik balik, katanya.

Perdana Menteri juga berkata, masyarakat antarabangsa perlu peka dan terus menggesa semua pihak di Afrika Selatan, terutama regim Pretoria, supaya menuju ke arah rundingan bagi mewujudkan sebuah negara Afrika Selatan yang demokratik dan yang tidak mengamalkan perkauman.

Beliau, bagaimanapun, berkata suasana di Afrika Selatan sekarang lebih baik berbanding dengan dekad sebelumnya. -- Lagi

♥06/05/17-30MST

CNS8223

U GB 06-05 00147 BH048

aab

Mahathir - Apartheid 3 Kuala Lumpur

Beliau juga berkata adalah penting bagi pergerakan-pergerakan pembebasan di negara itu saling bantu membantu dan bekerjasama.

+Pergaduhan sesama kaum kulit hitam perlu dihentikan,+ katanya sambil menambah bahawa Malaysia mahukan semua angkatan tentera negara-negara anti-apartheid supaya bersatu tenaga menghentikan pergaduhan.

Datuk Seri Dr Mahathir juga menggesa masyarakat antarabangsa supaya menyumbang kepada Tabung AFRICA bagi membantu negara-negara barisan hadapan membina semula negara masing-masing selepas berakhirnya era apartheid.

Pada satu taklimat bagi media massa di Wisma Putra, Timbalan Ketua Setiausaha II kementerian itu, Datuk Ismail Budin berkata, mesyuarat lima hari itu akan membincangkan mengenai masa depan tabung itu ekoran perkembangan terbaru di Afrika Selatan.

Syor-syor daripada mesyuarat itu akan dikemukakan kepada Mesyuarat Menteri-menteri Luar Negara-negara Berkecuali yang akan diadakan di Accra, Ghana September ini bagi mencapai keputusan muktamad, katanya. -- Lagi

♥06/05/17-44MST

CNS8224

U GB 06-05 00117 BH049

aab

Mahathir - Apartheid 4 Kuala Lumpur

Datuk Ismail berkata, mesyuarat itu akan dihadiri oleh perwakilan dari negara-negara anggota jawatankuasa, iaitu Algeria, Argentina, Zaire, Mesir, India, Nigeria, Yugoslavia, Zimbabwe, Peru, Zambia dan Malaysia.

Ia akan juga dihadiri oleh perwakilan dari negara-negara barisan hadapan, Pergerakan Pembebasan Afrika Selatan, negara-negara penderma dan pertubuhan-pertubuhan antarabangsa.

Sehingga ini, tabung itu telah mengumpulkan sebanyak AS\$419 juta dalam bentuk barangan dan AS\$33 juta dalam bentuk wang tunai dan sebanyak 67 peratus daripada barangan itu dan 90 peratus daripada wang itu telah diagih-agihkan.

Malaysia telah menyumbang sebanyak AS\$7 juta kepada tabung itu, termasuk AS\$2 juta dalam bentuk barangan, kata Datuk Ismail. -- Bernama

♥06/05/17-45MST